



Garis Panduan

PENGURUSAN DANA INTERVENSI KEBOLEHPASARAN GRADUAN

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KANDUNGAN

01

Maklumat Umum

1.1	Pengenalan	5
1.2	Kumpulan Sasaran	6
1.3	Pihak Berkepentingan	6
1.4	Objektif	6
1.5	Tarikh Kuatkuasa	7
1.6	Urus Setia Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	7

02

Permohonan

2.1	Syarat Umum Permohonan	8
2.2	Kriteria Permohonan	8
2.3	Kriteria Program	9
2.4	Kriteria Penilaian	10
2.5	Proses Permohonan	10

03

Proses Kelulusan

3.1	Syor Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE	11
3.2	Kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE	11
3.3	Pemakluman Keputusan	12



04

Proses Pengurusan Dana GE

- | | | |
|-----|---------------------------------|----|
| 4.1 | Panduan Perbelanjaan Dana | 13 |
| 4.2 | Penyaluran Dana | 14 |
| 4.3 | Tatacara Kewangan dan Perolehan | 15 |

05

Pelaksanaan dan Pemantauan Program

- | | | |
|-----|---------------------|----|
| 5.1 | Pelaksanaan Program | 16 |
| 5.2 | Pemantauan Program | 16 |
| 5.3 | Pelaporan Program | 17 |

06

Tugas dan Tanggungjawab

- | | | |
|-----|---|----|
| 6.1 | Tugas dan Tanggungjawab Unit Kebolehpasaran Graduan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT | 18 |
| 6.2 | Tugas dan Tanggungjawab Naib Canselor / Timbalan Naib Canselor / Penolong Naib Canselor / Ketua Pengarah JPPKK / Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK / Pengarah Pusat Kerjaya | 18 |
| 6.3 | Tugas dan Tanggungjawab Pusat Kerjaya IPT / Pegawai Fokal Program Intervensi GE | 19 |
| 6.4 | Tugas dan Tanggungjawab Ketua Penyelaras Program Intervensi GE | 19 |
| 6.5 | Tugas dan Tanggungjawab Peserta Program Intervensi GE | 20 |

07

Persijilan dan Pengiktirafan

- | | | |
|-----|---------------|----|
| 7.1 | Pensijilan | 21 |
| 7.2 | Pengiktirafan | 21 |

08

Lampiran

Lampiran 1:	Carta Alir Proses Permohonan Dana	22
Lampiran 2:	Borang Permohonan Dana	24
Lampiran 3:	Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan	29
Lampiran 4:	Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan	30
Lampiran 5:	Contoh Surat Makluman Kelulusan	31
Lampiran 6:	Contoh Terma Pelaksanaan	32
Lampiran 7:	Cadangan Kadar Bagi Pelaksanaan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan KPT	38
Lampiran 8:	Contoh Surat Setuju Terima Universiti	40
Lampiran 9:	Contoh Surat Aku Janji Peserta	43
Lampiran 10:	Contoh Senarai Semak Pengauditan	44
Lampiran 11:	Borang Pemantauan	45
Lampiran 12:	Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan	49
Lampiran 13:	Format Laporan Awal	51
Lampiran 14:	Format Laporan Akhir	53
Lampiran 15:	Carta Alir Pemantauan Pelaksanaan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan	54
Lampiran 16:	Carta Alir Proses Permohonan Penggunaan Baki Penjimatan Data (Tahun Semasa)	55
Lampiran 17:	Carta Alir Proses Permohonan Penggunaan Baki Penjimatan Data (Bukan Tahun Semasa)	56
Lampiran 18:	Contoh Format Sijil Penghargaan	57

DAFTAR ISTILAH

58

SOALAN LAZIM

60

PENGHARGAAN

64

1.1 PENGENALAN

- 1.1.1 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menerbitkan buku dasar iaitu Pelan Nasional Kebolehpasaran Graduan (National Graduate Employability Blueprint) 2012 - 2017 sebagai panduan hala tuju untuk membantu Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merangka strategi bagi memacu sistem pendidikan tinggi negara yang berupaya melahirkan graduan yang dapat memenuhi permintaan pasaran sejajar dengan perubahan landskap ekonomi negara.
- 1.1.2 Usaha meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan (GE) telah dinyatakan melalui inisiatif strategik yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)]. Pelan yang dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 7 April 2015 telah menggariskan komitmen Kementerian untuk melahirkan graduan yang memenuhi kehendak industri seterusnya memastikan kadar GE melebihi 80% setiap tahun sehingga 2025.
- 1.1.3 Selaras dengan itu, KPT telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi melahirkan graduan yang berkualiti dan menepati kehendak industri semasa. Pelancaran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 (PSKG) pada 16 Oktober 2021 pula dilihat sebagai respons strategik Kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan secara komprehensif dengan matlamat untuk menghasilkan graduan kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global.
- 1.1.4 Salah satu inisiatif yang dilaksanakan di dalam pelan ini adalah Program Intervensi GE IPT. Program ini bertujuan meningkatkan nilai tambah para graduan IPT daripada aspek kelayakan profesional, bakat, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan serta mengikut keperluan industri semasa.
- 1.1.5 Pelaksanaan Program Intervensi GE menekankan empat elemen iaitu:
- i. Rapid execution** - Program Intervensi GE yang dilaksanakan menggunakan modul sedia ada bagi mempercepatkan pelaksanaan program. KPT menyasarkan sebanyak 70% Program Intervensi GE yang diluluskan tahun semasa dilaksanakan dalam tempoh sebelum September tahun semasa;
 - ii. Low-cost** - Program Intervensi GE yang dilaksanakan perlu melibatkan perkongsian kos dengan pihak industri daripada aspek kepakaran, kemudahan, elaun kepada pelajar dan lain-lain yang berkaitan. Kos pelaksanaan juga perlu munasabah dan menggunakan prinsip memberi nilai untuk wang (*value of money*);
 - iii. Sustainability** – Program Intervensi GE perlu lestari dan akan diteruskan pada masa akan datang walau pun tanpa peruntukan dana; dan

iv. High Impact – Program Intervensi GE yang memberi impak dan nilai tambah kepada kemahiran daripada aspek kelayakan profesional, kemahiran teknikal dan insaniah, bakat, keterampilan sendiri dan sahsiah. Program ini akan dinilai berdasarkan hasil seperti pengiktirafan sijil/program oleh agensi/jabatan dan badan profesional, nilai tambah kemahiran budaya kerja atau penempatan pekerjaan.

1.2 KUMPULAN SASARAN

1.2.1 Penyertaan adalah terbuka kepada pelajar tahun akhir, graduan (dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian) atau calon yang akan mengisi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi tahun semasa untuk program pengajian peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

1.3 PIHAK BERKEPENTINGAN

1.3.1 Pihak berkepentingan yang akan menggunakan atau merujuk Buku Garis Panduan Pengurusan Dana Intervensi GE adalah seperti berikut:

i. Peringkat KPT

- a. Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Intervensi GE
- b. Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Intervensi GE
- c. Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Intervensi GE
- d. Urus setia Pengurusan Dana Intervensi GE

ii. Peringkat IPT

- a. Pengurusan Tertinggi
- b. Pegawai Fokal Institusi / Universiti
- c. Ketua Penyelaras Program Intervensi GE
- d. Bendahari
- e. Pensyarah / Tenaga Akademik
- f. Pelajar Semasa dan Tahun Akhir

iii. Umum

- a. Penyedia Perkhidmatan
- b. Rakan Industri

1.4 OBJEKTIF

1.4.1 Meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu memperoleh pekerjaan yang relevan dengan keperluan industri;

1.4.2 Membantu meningkatkan kadar GE IPT secara keseluruhan kepada lebih 80% yang mana merupakan Key Performance Indicator (KPI) Menteri Pengajian Tinggi, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Naib Canselor IPT;

- 1.4.3 Membantu pelajar tahun akhir dan graduan yang memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.30 dan ke bawah untuk mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan;
- 1.4.4 Membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang pengajian di IPT yang mempunyai kadar GE yang rendah untuk mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan;
- 1.4.5 Meningkatkan jaringan kerjasama KPT, IPT dengan pihak industri menerusi perkongsian kemahiran, teknologi, pengetahuan serta kepakaran kepada graduan serta para pensyarah dan tenaga akademik IPT.

1.5 TARIKH KUATKUASA

- 1.5.1 Garis Panduan Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan IPT Kementerian Pengajian Tinggi ini adalah terpakai untuk semua program kebolehpasaran graduan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022.
- 1.5.2 Penggunaan buku Tatacara Pengendalian Piawai Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan cetakan tahun 2017 adalah terbatal dan termansuh dengan adanya buku Garis Panduan Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan IPT.

1.6 URUS SETIA KEBOLEHPASARAN GRADUAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT).

- 1.6.1 Sebarang urusan berkaitan program intervensi kebolehpasaran graduan IPT bolehlah dikemukakan kepada alamat berikut:

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
Kementerian Pengajian Tinggi**

Aras 3, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5, 62200, W.P Putrajaya
No. Tel.: 03-88706000
No. Faks: 03-88706810
u.p: Ketua Unit Kebolehpasaran Graduan
Emel: ge@mohe.gov.my / gekpt2022@gmail.com



2.1 SYARAT UMUM PERMOHONAN

2.1.1 Terbuka kepada IPT dalam kategori:

- i. Universiti Awam
- ii. Politeknik
- iii. Kolej Komuniti

Definisi operasi bagi Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti adalah seperti di Daftar Istilah pada muka surat 61 - 62.

2.1.2 Program yang diluluskan perlu selesai dilaksanakan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh dana disalurkan dan disahkan penyaluran dana ke IPT oleh Bendahari IPT.

2.1.3 Sekiranya program tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak IPT perlu membuat pemakluman rasmi kepada urus setia kebolehpasaran graduan KPT dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh dalam kenyataan 2.1.2.

2.2 KRITERIA PERMOHONAN

2.2.1 Kertas cadangan yang lengkap, mempunyai kaedah pelaksanaan yang jelas dan menyokong keberhasilan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025.

2.2.2 Program yang dijalankan adalah mensasarkan kepada **warganegara Malaysia** daripada golongan berikut:

- i. Pelajar tahun akhir;
- ii. Graduan yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh **enam (6) bulan serta masih belum mendapat pekerjaan**; atau
- iii. **Calon yang akan mengisi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi tahun semasa.**

2.2.3 Pemilihan program adalah berdasarkan:

- i. Meningkatkan kemahiran teknikal (Pensijilan Profesional);
- ii. Meningkatkan kemahiran insaniah; dan
- iii. Jaminan penempatan pekerjaan selepas tamat menjalani program/kursus.

2.2.4 Penyedia Perkhidmatan dikehendaki menyediakan Jaminan Pekerjaan yang lengkap dengan maklumat berikut:

- i. Nama jawatan yang ditawarkan;
- ii. Gaji Permulaan yang ditawarkan;
- iii. Bilangan kekosongan jawatan yang ditawarkan;
- iv. Status jawatan tetap/kontrak/semestara (Jika kontrak/semestara perlu

- dinyatakan tempoh pelantikan sekurang-kurangnya 12 bulan);
- v. Tempoh sah laku tawaran pekerjaan yang diberikan; dan
 - vi. Perkongsian daripada penyedia perkhidmatan (perkongsian kemahiran, teknologi, pengetahuan serta kepakaran, barangan dan lain-lain kos yang berkaitan).
- 2.2.5 IPT telah menunjukkan prestasi pelaksanaan program intervensi GE yang baik pada tahun sebelumnya iaitu:
- i. mencapai objektif seperti kelulusan asal program;
 - ii. sekurang-kurangnya 80% daripada keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan telah dibelanjakan; dan
 - iii. pelaporan akhir program yang lengkap telah dihantar kepada urus setia GE KPT.
- 2.2.6 IPT bertanggungjawab memastikan penyedia perkhidmatan yang akan dilantik mampu mencapai objektif yang ditetapkan oleh kementerian sebelum menghantar permohonan program kepada urus setia.

2.3 KRITERIA PROGRAM

- 2.3.1 Kriteria program bergantung kepada objektif program yang dijalankan.
- 2.3.2 Permohonan program perlu mempunyai kriteria-kriteria berikut:

i. Jenis Modul Kompetensi

a. *Professional Certification*

Program pensijilan yang diiktiraf oleh badan bertauliah/industri dalam bidang berkenaan.

b. *Skills-Based*

Program latihan atau sangkutan dengan syarikat/industri untuk meningkatkan kemahiran pelajar terutama dalam bidang berkemahiran tinggi atau bidang pekerjaan kritikal seperti yang Critical Occupational List (COL) yang dikeluarkan oleh TalentCorp.

c. *Professional Conversion*

Program yang membantu pelajar dalam bidang pengajian yang tidak mendapat permintaan tinggi dalam industri untuk dilatih semula (*re-skill*) dalam bidang lain bagi mendapatkan pengetahuan serta kompetensi yang bersesuaian bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan.

ii. Modul Wajib

a. *Polishing Attitude/Values*

Program peningkatan sahsiah dan nilai dalam diri pelajar yang menekankan etika kerja, pembangunan kerjaya, kemahiran bahasa, kemahiran komunikasi, kemahiran abad ke-21 dan lain-lain.

2.4 KRITERIA PENILAIAN

Jawatankuasa akan membuat penilaian permohonan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- 2.4.1 Pelajar yang berada di tahun akhir, graduan yang belum mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian atau calon yang akan mengisi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi tahun semasa;
- 2.4.2 Memberi keutamaan kepada pelajar/graduan B40;
- 2.4.3 Pelajar yang memperolehi Purata Nilain Gred Kumulatif (PNGK) 3.30 dan ke bawah;
- 2.4.4 Keutamaan bidang pengajian yang mempunyai peratusan GE yang rendah berdasarkan Laporan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 1) dan sumber maklumat lain;
- 2.4.5 Terdapat sumbangan industri menerusi perkongsian kos pelaksanaan program adalah satu kelebihan bagi menyokong permohonan;
- 2.4.6 Terdapat bukti kemampuan penyedia perkhidmatan yang akan dilantik menjalankan program. (Contohnya: SSM/Profile Syarikat/Maklumat Kewangan dan lain-lain yang berkaitan); dan
- 2.4.7 Terdapat bukti jaminan pekerjaan setelah selesai menjalani program sekiranya berkaitan.

2.5 PROSES PERMOHONAN

Permohonan Dana Intervensi GE melibatkan beberapa proses seperti di Lampiran 1.

2.5.1 Permohonan program

- i. Urus setia akan membuat hebahan pembukaan permohonan melalui emel atau sesi taklimat kepada semua Pegawai Fokal Program GE yang telah dilantik di UA/Jabatan.
- ii. Permohonan Program Intervensi GE perlu dikemukakan kepada urus setia dalam tempoh yang ditetapkan.
- iii. Borang permohonan seperti di Lampiran 2 boleh diperolehi melalui laman sesawang KPT atau pautan <https://great.mohe.gov.my/>

2.5.2 Penerimaan permohonan dan semakan dokumen

- i. Borang permohonan berserta dokumen sokongan yang diterima pada atau sebelum tarikh tutup permohonan disemak untuk proses dokumentasi oleh urus setia.
- ii. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE.
- iii. Permohonan yang tidak lengkap namun berpotensi akan dikembalikan kepada pemohon untuk penambahbaikan.

3.1 SYOR JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN DANA GE

- 3.1.1 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) akan menilai permohonan dengan mengambil kira faktor seperti berikut:
- Kesesuaian dan kualiti program;
 - Kadar bayaran yang dimohon adalah bersesuaian;
 - Tempoh pelaksanaan program;
 - Kesahihan maklumat permohonan;
 - Keupayaan penyedia perkhidmatan untuk memberi jaminan penempatan pekerjaan yang bersesuaian dengan latihan / program;
 - Penawaran gaji bersesuaian dengan kelulusan akademik peserta;
 - Impak program kepada peserta; dan
 - Komitmen penyedia perkhidmatan berdasarkan sumbangan serta perkongsian kos latihan.
- 3.1.2 Jawatankuasa ini akan menyediakan ulasan dan syor untuk pembentangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE. Senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di Lampiran 3.
- 3.1.3 Sekiranya terdapat keperluan Jawatankuasa ini boleh meminta pemohon membuat pembentangan bagi memberi penjelasan yang diperlukan.

3.2 KELULUSAN JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN DANA GE

- 3.2.1 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT akan mempertimbang dan meluluskan syor Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE. Senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di Lampiran 4.
- 3.2.2 Keputusan Jawatankuasa ini adalah muktamad.
- 3.2.3 Minit mesyuarat akan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE selaku Pegawai Pengawal Kementerian untuk tujuan kelulusan penyaluran dana Intervensi GE kepada IPT.

3.3 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- 3.3.1 Makluman kelulusan program intervensi GE akan dikemukakan kepada Naib Canselor dalam tempoh dua (2) minggu selepas diluluskan seperti di Lampiran 5.
- 3.3.2 Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE tidak boleh digunakan sebagai punca kuasa mutlak pembayaran dan melantik syarikat. IPT masih tertakluk kepada tatacara perolehan dan kewangan Kerajaan/IPT yang sedang berkuatkuasa.
- 3.3.3 Sekiranya berlaku perkara-perkara di luar kawalan, IPT hanya perlu mengemukakan makluman pindaan semula yang melibatkan kaedah pelaksanaan sahaja tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan berdasarkan kelulusan asal yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE.
- 3.3.4 IPT perlu mengemukakan Terma Pelaksanaan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat penyaluran dana kelulusan bagi setiap program yang telah diluluskan kepada KPT seperti di Lampiran 6.

04 PROSES PENGURUSAN DANA GE

4.1 PANDUAN PERBELANJAAN DANA

Berikut adalah garis panduan perbelanjaan dana bagi Program Intervensi GE untuk membantu IPT membuat perancangan dan pengurusan dana.

- 4.1.1 Dana yang diluluskan hanya boleh digunakan bagi program yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE di peringkat KPT.
- 4.1.2 Sekiranya terdapat sebarang pindaan bagi kelulusan asal program yang telah diluluskan perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Kementerian untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 4.1.3 Sekiranya terdapat penjimatan bagi sesuatu program intervensi GE yang telah dilaksanakan, baki penjimatan tersebut boleh dipertimbangkan bagi kos pelaksanaan sebarang program/aktiviti GE di IPT seperti berikut:
 - i. Baki dana GE tahun semasa perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal dengan sokongan Bahagian Kewangan Kementerian. Permohonan perlu dikemukakan kepada urus setia KPT pada setiap sukuan tahun; dan
 - ii. Baki dana GE bagi tahun sebelumnya perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Bahagian Kewangan Kementerian untuk kelulusan terlebih dahulu.

Carta alir proses permohonan penggunaan baki penjimatan dana GE adalah seperti di Lampiran 16 dan 17.

- 4.1.4 Dana yang disalurkan ke IPT tidak boleh dipindahkan kepada anak syarikat milik IPT.
- 4.1.5 Semua aspek pengurusan kewangan dan perolehan perlu dilaksanakan secara teratur, sistematik dan telus berdasarkan kepada tatacara kewangan dan perolehan Kerajaan/IPT yang berkuatkuasa.
- 4.1.6 Dana **TIDAK BOLEH** dibelanjakan untuk perkara-perkara berikut:
 - i. Perbelanjaan bagi komponen yang tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE;
 - ii. Pembangunan modul latihan/kursus;
 - iii. Tuntutan penceramah kepada pensyarah/pembantu penyelidik/urus setia/kakitangan UA/jabatan yang terlibat dalam program atau pemantauan yang tidak mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa. Rujuk pekeliling seperti berikut:
 - a. WP 1.8: Peraturan Mengenai Kadar-kadar dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati kepada Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan; dan
 - b. PK Bilangan 2 Tahun 2013: Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus dan Latihan.
 - iv. Pembelian aset;

- v. Modal dalam menjalankan kajian/pembangunan sistem atau projek;
- vi. Pembinaan dan pengubahsuaian bangunan;
- vii. Kos kontigensi;
- viii. Cenderahati atau hadiah;
- ix. Jamuan makan malam/penganjuran majlis/mesyuarat pemantauan/gerak kerja usia setia/kerja-kerja pemantauan oleh UA/jabatan;
- x. Tuntutan perjalanan/penginapan (Pemberi Latihan); dan
- xi. Pembayaran gaji pembantu penyelidik/pekerja kontrak bagi tujuan pelaksanaan kursus/pemantauan.

4.1.7 Kadar pembayaran bagi pelaksanaan program intervensi GE mestilah bersesuaian dengan IPT masing-masing dan tidak melebihi kadar yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan berkaitan. Jumlah kadar yang dicadangkan bagi pelaksanaan program intervensi GE adalah seperti di Lampiran 7.

4.1.8 Terdapat perbelanjaan yang memerlukan justifikasi dan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE adalah seperti berikut:

- i. Elaun (wang saku) pelajar semasa menjalani program;
- ii. Elaun data internet pelajar semasa menjalani program;
- iii. Pemeriksaan kesihatan;
- iv. Insurans;
- v. Penginapan/pengangkutan peserta;
- vi. Sewaan ruang kursus; dan
- vii. Caj pengurusan pelaksanaan program.

4.1.9 Selaras dengan langkah penjimatan, semua IPT perlu memaksimumkan penggunaan kemudahan sedia ada di IPT dan menyediakan justifikasi yang kukuh jika masih memerlukan perbelanjaan ditanggung di bawah peruntukan dana ini.

4.1.10 Kementerian berhak menyemak semula kos pelaksanaan program atau tidak mempertimbangkan mana-mana permohonan yang tidak mematuhi panduan perbelanjaan Dana Intervensi GE setelah mengambil kira kajian pasaran dan perbandingan dengan penyedia perkhidmatan lain yang menawarkan perkhidmatan yang sama.

4.2 PENYALURAN DANA

4.2.1 Urus setia akan mengemukakan memo penyaluran peruntukan kepada Bahagian Kewangan Kementerian untuk tujuan penyaluran dana kepada IPT. Dokumen yang perlu dilampirkan berserta memo tersebut adalah:

- i. Salinan cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE berkaitan senarai program yang diluluskan; dan
- ii. Lampiran berkaitan kelulusan bersyarat.

4.3 TATACARA KEWANGAN DAN PEROLEHAN

- 4.3.1 Bendahari UA/Pegawai Kewangan Jabatan akan mengeluarkan surat niat dan mengadakan mesyuarat rundingan harga dengan penyedia perkhidmatan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE.
- 4.3.2 Proses rundingan harga dilaksanakan oleh IPT selaras dengan 1PP/PK.16: Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus. Proses rundingan harga dilaksanakan sehingga mendapat persetujuan bersama.
- 4.3.3 Persetujuan dalam mesyuarat rundingan harga akan dimuktamadkan dalam Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan IPT mengikut Pekeliling Dalam KPT Bilangan 1/2016.
- 4.3.4 Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan oleh Bendahari UA/Pegawai Kewangan Jabatan (Lampiran 8) kepada syarikat dimana:
 - i. Salinan SST kepada KPT dikemukakan dalam tempoh 2 minggu selepas dimuktamadkan; dan
 - ii. Salinan kontrak formal dikemukakan kepada KPT dalam tempoh 3 bulan sekiranya program bersiri/berfasa.
- 4.3.5 Bagi program yang dikecualikan kontrak, SST yang dikeluarkan oleh Bendahari UA/Bahagian Kewangan Jabatan perlu lengkap merangkumi:
 - i. Maklumat yang terkandung dalam surat makluman keputusan yang dikemukakan oleh KPT; dan
 - ii. Lain-lain maklumat berkaitan mengikut keperluan IPT.
- 4.3.6 Bagi perolehan selain rundingan terus, tatacara kewangan dan perolehan tertakluk kepada peraturan kewangan sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
- 4.3.7 Pembayaran dilaksanakan secara berperingkat iaitu:
 - i. Sebanyak 70% bayaran kepada penyedia perkhidmatan dibuat setelah program dilaksanakan seperti kelulusan; dan
 - ii. Baki 30% bayaran dibuat kepada penyedia perkhidmatan setelah semua terma dan syarat kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Intervensi GE dipenuhi dan IPT/KPT berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan.
- 4.3.8 Baki pembayaran perlu diselesaikan kepada penyedia perkhidmatan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh program selesai dilaksanakan dengan memenuhi perkara 4.3.7 (ii) .

05 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM

5.1 PELAKSANAAN PROGRAM

- 5.1.1 Semua program yang telah dimuktamadkan perlu dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dalam SST.
- 5.1.2 Semua pelajar yang menyertai program perlu menandatangani Surat Aku Janji antara pelajar dengan IPT (Lampiran 9) sebelum program dilaksanakan dan merujuk kepada perkara 6.5 iaitu Tugas dan Tanggungjawab Peserta Program Intervensi GE.
- 5.1.3 Program hendaklah selesai dilaksanakan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh peruntukan disalurkan dan membuat makluman rasmi kepada KPT jika tidak dapat dilaksanakan seperti ketetapan tersebut.
- 5.1.4 Perlu memastikan semua perincian kelulusan dipatuhi sebelum tuntutan bayaran disahkan dan pembayaran dibuat kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik merangkumi perkara berikut:
 - i. Perincian program yang diluluskan; dan
 - ii. Panduan perbelanjaan dana.
- 5.1.5 Dokumentasi berkaitan program perlu dikemas kini dari semasa ke semasa dan lengkap dengan senarai semak pengauditan (Lampiran 10).

5.2 PEMANTAUAN PROGRAM

- 5.2.1 Pemantauan Program Intervensi GE IPT diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun selepas proses penyaluran dana dilaksanakan.
- 5.2.2 Urus setia pengurusan dana GE akan mengemukakan makluman melalui e-mel kepada Pegawai Fokal bagi tujuan pemantauan program.
- 5.2.3 Pegawai Fokal perlu memastikan borang pemantauan yang dihantar adalah lengkap dan selaras dengan kelulusan yang diterima.
- 5.2.4 IPT perlu membenarkan KPT pada bila-bila masa untuk memantau pelaksanaan program termasuk penggunaan peruntukan dana Intervensi GE bagi memastikan dana tersebut digunakan mematuhi peraturan perbendaharaan yang telah ditetapkan.
- 5.2.5 Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan boleh:
 - i. Melaksanakan pemantauan menerusi mesyuarat yang diadakan dan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar KPT. Senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di Lampiran 12.
 - ii. Sekiranya terdapat keperluan Jawatankuasa ini boleh meminta IPT membuat pembentangan bagi memberi penjelasan yang diperlukan.

5.3 PELAPORAN PROGRAM

- 5.3.1 Pihak IPT dikehendaki mengemukakan Laporan Awal Pelaksanaan Program Intervensi GE seperti di Lampiran 13 bagi program yang berfasa dan dikemukakan kepada Urus Setia Pengurusan Dana Intervensi GE, KPT dalam tempoh dua (2) minggu selepas program bermula.
- 5.3.2 Laporan akhir bagi program yang telah mencapai sasaran perlu dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh dua (2) bulan selepas program selesai dengan menggunakan Format Laporan Akhir seperti di Lampiran 14.
- 5.3.3 Pihak IPT perlu mengemukakan lampiran rasmi berkaitan peserta yang menolak tawaran pekerjaan yang ditawarkan dengan sebab-sebab yang munasabah.
- 5.3.4 Laporan program akan diteliti oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Dana Program Intervensi GE.
- 5.3.5 Carta alir pelaksanaan dan pemantauan program intervensi GE adalah seperti di Lampiran 15.

06 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNIT KEBOLEHPASARAN GRADUAN, BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR, KPT

- 6.1.1 Bertindak sebagai uru setia Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE, Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE dan Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Dana Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan;
- 6.1.2 Membuat hebahan berserta format/borang berkaitan permohonan Program Intervensi GE maksimum tiga (3) bulan sebelum tarikh tutup permohonan kertas cadangan;
- 6.1.3 Memproses dan membuat penilaian kertas cadangan Program Intervensi GE IPT untuk disyorkan kepada Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) (TKSU [D]);
- 6.1.4 Membawa kertas cadangan Program Intervensi GE yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE untuk kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU);
- 6.1.5 Memastikan penyaluran peruntukan disalurkan kepada IPT yang berkenaan dengan jumlah seperti mana yang telah diluluskan selewat-lewatnya dua (2) bulan dari tarikh keputusan permohonan dimaklumkan;
- 6.1.6 Urus setia KPT perlu memperincikan garis masa dan carta alir yang jelas kepada IPT bagi memastikan proses permohonan, kelulusan, penyaluran dana, pelaksanaan program, pemantauan serta pelaporan adalah mengikut perancangan yang ditetapkan seperti carta alir di Lampiran 1;
- 6.1.7 Memantau pelaksanaan program dan perbelanjaan peruntukan yang telah diluluskan berdasarkan perincian Garis Panduan Pengurusan Dana Intervensi GE IPT di Bahagian 5;
- 6.1.8 Menerima laporan akhir program intervensi GE dari IPT; dan
- 6.1.9 Memberi maklumbalas pencapaian keseluruhan pelaksanaan Program Intervensi GE kepada setiap IPT yang menerima dana selewat-lewatnya dua (2) bulan selepas laporan diterima.

6.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB NAIB CANSOLOR / TIMBALAN NAIB CANSOLOR / PENOLONG NAIB CANSOLOR / KETUA PENGARAH JPPKK / PENGARAH KANAN (KOMPETENSI) JPPKK / PENGARAH PUSAT KERJAYA

- 6.2.1 Memastikan Pusat Kerjaya IPT masing-masing berjaya menjalankan program/aktiviti kebolehpasaran graduan dengan menggunakan peruntukan dana seperti yang telah diluluskan dengan kadar segera;
- 6.2.2 Menyokong dan memberi galakan kepada sebarang aktiviti kebolehpasaran graduan yang dapat memberi manfaat dalam meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan IPT; dan
- 6.2.3 Mengesahkan data dan pencapaian keseluruhan pelaksanaan program intervensi GE IPT masing-masing yang menerima dana KPT.

6.3 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PUSAT KERJAYA IPT/PEGAWAI FOKAL PROGRAM INTERVENSI GE

- 6.3.1 Membuat hebahan kepada fakulti/jabatan mengenai dana intervensi GE apabila dibuka untuk permohonan;
- 6.3.2 Menyelaras dan membuat saringan kertas cadangan Program Intervensi GE daripada semua fakulti/jabatan/institusi sebelum dikemukakan kepada KPT;
- 6.3.3 Bertanggungjawab memastikan semua dokumen dan maklumat yang dikemukakan adalah benar dan sah;
- 6.3.4 Bertanggungjawab memastikan semua permohonan yang dikemukakan lengkap dan telah memenuhi syarat kriteria dana intervensi GE;
- 6.3.5 Mengemukakan kertas cadangan Program Intervensi GE IPT yang lengkap kepada KPT mengikut garis masa yang ditetapkan;
- 6.3.6 Melantik Ketua Penyelaras Program (KPP) secara rasmi bagi semua program yang telah diluluskan;
- 6.3.7 Memaklumkan syarat, peraturan pelaksanaan, kriteria penilaian, pemantauan dan peraturan kewangan kepada semua KPP dari semasa ke semasa;
- 6.3.8 Memastikan program dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektif selaras dengan kelulusan yang diterima dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan;
- 6.3.9 Melaporkan kepada KPT sekiranya terdapat sebarang perubahan dari segi pelaksanaan program;
- 6.3.10 Memastikan laporan awal (Lampiran 13) disediakan oleh KPP/Pusat Kerjaya dengan lengkap dan sempurna dan dilaporkan kepada KPT mengikut jadual yang ditetapkan;
- 6.3.11 Menyelaraskan, menyediakan dan mengemukakan Laporan Akhir (Lampiran 14) Program Intervensi GE IPT kepada KPT dalam tempoh dua (2) bulan selepas program selesai;
- 6.3.12 Memastikan perbelanjaan peruntukan adalah mengikut tatacara perbendaharaan/IPT yang berkuatkuasa; dan
- 6.3.13 Mengemukakan surat makluman kepada Urus Setia mengenai pertukaran Pegawai Fokal IPT dan alamat surat menyurat bagi memastikan dana tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang dipraktikkan.

6.4 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PENYELARAS PROGRAM INTERVENSI GE

- 6.4.1 Memastikan borang permohonan/laporan diisi dengan lengkap dan sempurna dan dihantar kepada Pegawai Fokal Program GE di IPT mengikut jadual yang ditetapkan;
- 6.4.2 Memastikan dan memantau pelaksanaan Program Intervensi GE dilaksanakan selaras dengan kelulusan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan;
- 6.4.3 Memastikan laporan dokumentasi program dan dokumen kewangan sentiasa dikemaskini, direkodkan dan dikemukakan kepada Pegawai Fokal Program Intervensi GE di IPT;
- 6.4.4 Menyediakan pelaporan yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Kementerian dan diserahkan melalui Pegawai Fokal Program Intervensi GE di IPT; dan

- 6.4.5 Mengemukakan surat makluman kepada Pegawai Fokal Program Intervensi GE di IPT mengenai pertukaran Ketua Penyelaras Program.

6.5 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PESERTA PROGRAM INTERVENSI GE


- 6.5.1 Menandatangani surat aku janji seperti contoh di Lampiran 9 sebagai komitmen sebelum menyertai program.
- 6.5.2 Mengikuti dan menghadiri semua kursus latihan yang disyaratkan dalam program intervensi GE yang disertai;
- 6.5.3 Menghadiri semua ujian yang disyaratkan dalam Kursus Latihan untuk mendapatkan Sijil atau pengiktirafan;
- 6.5.4 Mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib yang dikuatkuasakan oleh IPT dan penyedia perkhidmatan serta mematuhi semua peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- 6.5.5 Memberi tumpuan, perhatian dan kebolehan untuk tugas-tugas khusus yang diberikan kepada peserta sepanjang kursus latihan berlangsung;
- 6.5.6 Menamatkan kursus latihan yang ditawarkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- 6.5.7 Kehadiran kursus mestilah melebihi 80% untuk kelayakan mendapat sijil serta tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan;
- 6.5.8 Membuat makluman bertulis kepada pihak IPT dan penyedia perkhidmatan sekiranya tidak dapat menamatkan kursus latihan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- 6.5.9 Membuat makluman bertulis dengan justifikasi munasabah kepada pihak IPT dan penyedia perkhidmatan sekiranya menolak penawaran penempatan yang diberikan.

7.1 PENSIJILAN

- 7.1.1 Penyediaan sijil penghargaan selepas pelaksanaan program Intervensi GE perlulah mematuhi format rasmi yang disediakan oleh KPT di Lampiran 18.
- 7.1.2 Sijil rasmi program Intervensi GE boleh dikeluarkan kepada:
 - i. Penyelaras/Ketua Program Intervensi GE;
 - ii. Penyedia Perkhidmatan yang dilantik; dan
 - iii. Graduan/Peserta yang mengikuti program dengan jayanya.
- 7.1.3 Logo dan nama rasmi Kementerian Pengajian Tinggi hanya boleh digunakan dalam bahan promosi (cetakan dan digital) untuk program Intervensi GE IPT dan program lain yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

7.2 PENGIKTIRAFAN


- 7.2.1 IPT perlu memberi pengiktirafan kepada Kerajaan dalam segala urusan yang melibatkan pelaksanaan Program Intervensi GE dengan memberi pernyataan bahawa program dilaksanakan dengan anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan IPT.
- 7.2.2 IPT perlu memberi pengiktirafan kepada Penyelaras/Ketua Program Intervensi GE IPT selaku penerima dana luar yang diberikan oleh KPT.



- Borang Permohonan dihantar ke Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan:
 - i. Spesifikasi dicadangkan oleh UA/ Jabatan.
 - ii. Surat Jaminan Pekerjaan oleh Syarikat/Industri.
- Semakan Borang Permohonan oleh urus setia Pengurusan Dana GE berdasarkan kriteria penilaian.
- Penilaian permohonan oleh Jawatankuasa Saringan untuk dibawa kepada Jawatankuasa Teknikal.
- Penilaian permohonan oleh Jawatankuasa Teknikal dan syor dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk.
- Jawatankuasa Induk mempertimbang dan meluluskan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- Keputusan mesyuarat dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 2 minggu selepas mesyuarat bersidang.
- Surat makluman kelulusan dari Kementerian dikemukakan kepada bendahari UA/Pegawai Kewangan Jabatan dalam tempoh 2 minggu selepas mesyuarat bersidang dan disalin kepada Pegawai Fokal GE.
- Dana yang telah diluluskan akan disalurkan kepada UA/Jabatan oleh Bahagian Kewangan Kementerian.

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN DANA (2.5) – Peringkat UA / Jabatan



- Bendahari UA/Pegawai Kewangan Jabatan akan mengeluarkan surat niat dan mengadakan mesyuarat rundingan harga dengan syarikat yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk.

- Proses rundingan harga dilaksanakan oleh UA/Jabatan selaras dengan 1PP/PK7.16: Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus.

- Persetujuan dalam mesyuarat rundingan harga akan dimuktamadkan dalam Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan UA/Jabatan mengikut Pekeliling Dalaman KPT Bilangan 1/2016.

- Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan oleh Bendahari UA/Pegawai Kewangan Jabatan kepada syarikat. Salinan SST kepada Kementerian dalam tempoh 2 minggu selepas dimuktamadkan dan Salinan kontrak formal dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh 3 bulan sekiranya program bersiri/berfasa.

- Program dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam SST dan dilaporkan kepada Kementerian secara berkala.

- Laporan Akhir disediakan dalam tempoh dua (2) bulan setelah program tamat dan dikemukakan kepada Kementerian bagi tujuan pemantauan.

LAMPIRAN 2

BORANG PERMOHONAN DANA [2.5.1(iii)]



BORANG PERMOHONAN PROGRAM INTERVENSI GE BAGI TAHUN

1. MAKLUMAT PROGRAM	
i. Pemohon:	<input type="checkbox"/> Universiti Awam : _____ <input type="checkbox"/> Jabatan : _____
ii. Nama Program:	
iii. Nama Penyelaras Program:	a. b. c.
iv. Penyedia Perkhidmatan:	<p>Nota : Sila kemukakan salinan Lesen Pendaftaran bagi Bekalan dan Perkhidmatan dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi penyedia perkhidmatan</p>
v. Status Program:	<input type="checkbox"/> Baru <input type="checkbox"/> Sedia ada (Sila kemukakan laporan pencapaian terdahulu)
vi. Kriteria Program (Sila tandakan satu sahaja yang berkenaan) :	<p>Modul wajib:</p> <p><input type="checkbox"/> <i>Polishing attitudes/ values</i></p> <p>Modul kompetensi pilihan:</p> <p><input type="checkbox"/> <i>Professional Certification</i> <input type="checkbox"/> <i>Skills-based</i> <input type="checkbox"/> <i>Professional Conversion</i></p> <p>Nota : Penerangan berkaitan setiap kriteria boleh rujuk dalam Garis Panduan Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan</p>

2. LATAR BELAKANG PROGRAM

- i. **Objektif program** (Nyatakan dua objektif utama sahaja):
 - a.
 - b.
- ii. **Kajian pasaran berkaitan program** (mengandungi maklumat berkaitan program/persijilan tersebut, keperluan program/persijilan dalam industri melalui unjuran/statistik, pengiktirafan dan maklumat umum berkaitan program/persijilan tersebut) :

3. KANDUNGAN MODUL

- i. **Modul program/persijilan:**
- ii. **Kaedah Pelaksanaan:**

4. PENSIJILAN PROGRAM

- i. **Sijil kecekapan/profesional** : (Jika YA, sila nyatakan nama sijil dan badan profesional yang memberi pengiktirafan)

NAMA SIJIL KECEKAPAN/PROFESIONAL	BADAN PROFESIONAL YANG MENGIKTIRAF

Nota : Nyatakan nama penuh sijil kecekapan/Profesional tanpa menggunakan akronim (cth : NATO, APITO, BOSIET dsb.)

5. PELAKSANAAN PROGRAM

- i. **Tempoh keseluruhan program** : _____ hari / _____ bulan
- ii. **Cadangan tarikh pelaksanaan** (adalah diingatkan semua program dilaksanakan dalam tempoh setahun dari tarikh kelulusan):_____

iii. Kumpulan sasaran :

BIL	PERKARA	YA	TIDAK
a.	Pelajar tahun akhir/semester akhir		
b.	Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.30 dan ke bawah		
c.	Bidang pengajian yang mempunyai peratusan GE yang rendah berdasarkan Sistem Laporan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 1)		

Nota : Tandakan (√) pada ruangan yang disediakan

iv. Jumlah sasaran pelajar : _____

v. Bidang pengajian yang terlibat : _____

vi. Peringkat Pengajian : Sijil Diploma Ijazah

6. JAMINAN PEKERJAAN

i. Penempatan pekerjaan sebaik setelah selesai program:

BIL	NAMA SYARIKAT/INDUSTRI	BILANGAN TAWARAN KERJA	CORE BUSINESS SYARIKAT (SECARA UMUM)/LAMARAN SESAWANG/PORTAL UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Nota : Sila kemukakan surat jaminan/komitmen syarikat/industri dan mempunyai maklumat berikut :

- Menyatakan dengan jelas jumlah pelajar yang akan diambil bekerja selepas tamat pengajian/program.
- Surat perlu menggunakan kepala surat rasmi syarikat yang menawarkan pekerjaan
- Menyatakan jawatan & anggaran gaji yang ditawarkan
- Status jawatan tetap/kontrak/semetara (Jika kontrak /sementara perlu dinyatakan tempoh pelantikan sekurang-kurangnya 12 bulan)
- Tempoh sah laku tawaran pekerjaan yang diberikan

7. KOS PELAKSANAAN PROGRAM

i. Ringkasan kos program :

PERKARA	JUMLAH (RM)
Peruntukan dana GE yang dipohon	
Kos yang ditanggung oleh industri	
Kos yang ditanggung oleh Jabatan/institusi	
JUMLAH KESELURUHAN	

ii. Lain-lain sumbangan industri :

Jika kos yang ditanggung/perkongsiian kos dengan industri **bukan dalam bentuk wang tunai**, sila nyatakan dengan jelas bentuk perkongsiian kos dan anggaran kos perkhidmatan yang diberikan :

BENTUK SUMBANGAN INDUSTRI	ANGGARAN KOS SUMBANGAN

iii. Perincian kos peruntukan dana GE adalah seperti Lampiran A

8. PENGAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya mengaku segala butiran yang diberikan adalah benar.

Ketua Penyelaras Program

.....
(Tandatangan dan cap rasmi)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Nota : Ketua Penyelaras Program boleh sama ada penyedia perkhidmatan/pensyarah/kakitangan UA/jabatan. Pegawai Fokal GE tidak boleh menjadi ketua Penyelaras Program pada tahun dilantik.

Lampiran A

PERINCIAN KOS PERUNTUKAN DANA GE YANG DIPOHON				
BIL	PERKARA	JUMLAH KECIL (RM)	JUMLAH BESAR (RM)	CATATAN/JUSTIFIKASI
1.				
2.				
3.				
4.				
KOS SETIAP PELAJAR (RM)				
JUMLAH DANA YANG DIPOHON (A)				
5.				Ditanggung Industri
6.				Ditanggung UA/Jabatan
JUMLAH PERKONGSIAN KOS (B)				
JUMLAH KESELURUHAN (A) + (B)				
Nota : Jumlah perlu sama seperti Perkara 7: Kos Pelaksanaan Program				

LAMPIRAN 3

KEANGGOTAAN DAN TERMA RUJUKAN (TOR) (3.1.2)

JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN DANA KEBOLEHPASARAN GRADUAN

- Pengerusi boleh melantik pengerusi ganti di kalangan ahli jawatankuasa bagi mempengerusikan mesyuarat sekiranya perlu.
- Kehadiran ahli mesyuarat hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan sekurang-kurangnya empat (4) orang ahli tetap atau wakilnya pada setiap kali mesyuarat bersidang.
- Ke kerap mesyuarat mestilah sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bergantung kepada keperluan semasa.

Keanggotaan

Pengerusi : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Ahli Tetap : Setiausaha Bahagian (Dasar)
Setiausaha Bahagian Pembangunan
Timbalan Setiausaha Bahagian (Kewangan)
Timbalan Setiausaha Bahagian (COS)
Timbalan Ketua Pengarah (Governan) JPPKK
Pengarah BKIM, JPT

Ahli Jemputan : Pengerusi Majlis Dekan ICT
Pengerusi Majlis Dekan Perakaunan
Pengerusi Majlis Dekan Kejuruteraan
Wakil Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung, (Kementerian Sumber Manusia)
Wakil Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp)
Wakil Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Wakil Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Urus Setia : Unit Kebolehpasaran Graduan, KPT

Terma Rujukan (TOR)

- i. Membincangkan dan mengemukakan cadangan berkaitan dasar dan pelaksanaan program di bawah Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi;
- ii. Mengesyorkan program-program untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk bagi permohonan Dana GE daripada aspek pematuhan kriteria, kesesuaian modul, kos yang dipohon serta perkara yang berkaitan bidang kepakaran ahli; dan
- iii. Mengemukakan pandangan dan input yang bersesuaian bagi penambahbaikan pengurusan dana Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan yang bersesuaian bagi pertimbangan Jawatankuasa Induk.

LAMPIRAN 4

KEANGGOTAAN DAN TERMA RUJUKAN (TOR) (3.2.1)

JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN DANA KEBOLEHPASARAN GRADUAN

- Kehadiran ahli mesyuarat hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan sekurang-kurangnya empat (4) orang ahli tetap atau wakilnya pada setiap kali mesyuarat bersidang
- Kekerapan mesyuarat mestilah sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

Keanggotaan

Pengerusi : Ketua Setiausaha

Ahli Tetap : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan)
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Jabatan Pendidikan Tinggi)
Ketua Pengarah
(Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti)
Setiausaha Bahagian (Dasar)
Setiausaha Bahagian (Kewangan)

Urus Setia : Unit Kebolehpasaran Graduan, KPT

Terma Rujukan (TOR)

- i. Mempertimbang dan meluluskan syor dari Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE;
- ii. Memuktamadkan perakuan permohonan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE;
- iii. Menilai pelaksanaan, prestasi perbelanjaan dan pencapaian Program GE bagi penambahbaikan Program; dan
